



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 11 OKTOBER 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

# 193 unit bateri telefon bimbit tiruan dirampas KPDN

**SEREMBAN** — Sebanyak 193 unit bateri telefon bimbit tiruan bernilai RM5,640 yang disimpan dalam stor sebuah premis perniagaan di Seremban 2 di sini dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan menerusi Op Tiru semalam.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, serbuan itu dilakukan hasil dari pengaduan yang diterima wakil pemilik cap dagangan serta risikan yang telah dibuat selama seminggu.

"Hasil pemeriksaan, empat anggota penguat kuasa berjaya mengesan premis perniagaan itu dan mendapati prémis terbabit melakukan kesalahan di bawah Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.

"Ini kerana mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan bagi maksud perdagangan aksesori telefon berjenama Samsung dan Huawei dipakaikan dengan salah di bawah Seksyen 100 Akta yang



**PEGAWAI** penguat kuasa KPDN Negeri Sembilan menjalankan pemeriksaan dalam serbuan ke atas sebuah premis perniagaan di Seremban 2 semalam.

sama," katanya di sini semalam.

Katanya, KPDN tidak akan berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah KPDN bagi memastikan barang-barang yang dibekalkan kepada pengguna adalah tulen

dan tidak memudaratkan.

"Selain itu, mana-mana pihak yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada industri, rakyat dan negara ini perlu dibanteras sehingga ke akar umbi," ujarnya.

# KPDN jamin bekalan gula mencukupi

**KEMENTERIAN** Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Labuan mengesahkan bekalan gula di pulau ini dalam situasi terkawal.

Pengaruhnya, **Junaidah Arbain** berkata berdasarkan pemeriksaan dan kemudahan di kedua-dua stok penyimpanan sedia pemborong dan peruncit adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan semasa.

Bagaimanapun pihaknya tidak menolak cabaran yang ada untuk memenuhi permintaan tinggi daripada orang ramai mahupun para peniaga.

"Berdasarkan rekod pemeriksaan yang dilaksanakan baru-baru ini, kita mendapat stok penyimpanan peniaga mempunyai 612 kilogram (kg) gula pasir kasar dan 112kg gula premium.

"Pemborong pula mempunyai 4,380kg gula pasir manakala gula premium sebanyak 1,440kg," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah Junaidah, pihaknya memberi jaminan bahawa bekalan gula yang dibawa dari Tanah Besar Sabah akan sampai mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Berdasarkan tinjauan dan pemeriksaan, Labuan memerlukan hampir 120 tan gula bagi tempoh sebulan yang boleh menampung permintaan sekitar



**ANGGOTA KPDN Labuan mengadakan pemeriksaan dan pemantauan stok bekalan gula.**

100,000 orang.

"Untuk bekalan ini, kita mempunyai pembekal dari Sabah dan salah satunya ialah Sazarice Sabah manakala penghantaran akan mengikut jadual untuk memastikan bekalan gula berterusan kepada pengguna dan para peniaga," katanya.

Mengulas lanjut, Junaidah turut memberikan jaminan

bahawa pihaknya sentiasa melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan untuk memastikan isu bekalan dapat ditangani.

Justeru itu, KPDN sentiasa memberi penekanan kepada orang ramai agar tidak membuat sebarang pembelian panik kerana stok bekalan gula dalam keadaan terkawal.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR UMUM

# Strategi basmi kemiskinan perlu ambil kira tekanan hidup M40

- Tumpuan kerajaan basmi kemiskinan golongan B40 adalah penting, tetapi langkah lebih inklusif perlu turut diambil untuk memastikan M40 terutama di bandar, menerima sokongan secukupnya
- Subsidi tambahan atau insentif bagi pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan perlu disediakan bagi membantu meringankan beban kewangan golongan M40



Pensyarah Kanan,  
Sekolah Perniagaan  
& Ekonomi,  
Universiti Putra  
Malaysia

Oleh Dr Taha Mohd Omar  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Dalam usaha Malaysia membasi kemiskinan, kerajaan memperkenalkan beberapa strategi baharu dirangka untuk memberi tumpuan kepada golongan paling memerlukan. Fokus utama adalah kepada golongan B40, yang sering menghadapi kesukaran akibat ketidakseimbangan ekonomi ketara.

Langkah ini termasuk mengenal pasti kumpulan sasar yang layak menerima bantuan, menyelaraskan program pada peringkat pusat, meningkatkan pembangunan infrastruktur luar bandar, memperbaiki pendidikan dan kemahiran serta bekerjasama dengan sektor awam dan swasta.

Strategi ini diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam komitmennya untuk membasi kemiskinan secara menyeluruh dan sistematis.

Usaha ini sangat bertepatan dengan keadaan semasa yang mana golongan B40 sering menghadapi ketidakstabilan ekonomi serius. Menurut laporan Bank Dunia, jurang antara golongan kaya dan miskin di Malaysia semakin ketara, dengan B40 mewakili kira-kira 40 peratus daripada jumlah penduduk paling terkesan akibat ketidakseimbangan ini.

Golongan ini sering mengalami kesulitan dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, pendidikan dan perumahan. Oleh itu, langkah dirancang kerajaan amat penting dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan memperbaiki taraf hidup golongan terpinggir serta rentan.

Namun, dalam usaha kerajaan mahu membasi kemiskinan, terdapat kelembaman golongan M40, terutama di kawasan bandar, mungkin kurang mendapat manfaat daripada dasar ini. Walau pun golongan M40 tidak berada dalam kategori berpendapatan rendah seperti B40, mereka juga berhadapan tekanan kewangan serius disebabkan kos hidup semakin meningkat di bandar besar.

Di Malaysia, golongan M40 merangkumi kira-kira 40 peratus daripada populasi dan statistik menunjukkan lebih daripada 30 peratus golongan ini hidup di bandar, berhadapan dengan cabaran kewangan ketara, menjadikan mereka 'miskin bandar' walaupun berada dalam kategori pendapatan sederhana.

Kos sara hidup di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut Jabatan Perangkaan, perbelanjaan isi rumah di kawasan bandar lebih tinggi berbanding luar bandar dengan perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan penjagaan anak menjadi komponen utama menekan kewangan keluarga M40.

Di sesetengah bandar, kos perumahan sahaja boleh mencapai 40 peratus daripada pendapatan bulanan keluarga M40. Inilah bermakna, walaupun pendapatan mereka dikategorikan sebagai sederhana, mereka masih berhadapan tekanan ekonomi hampir sama dengan golongan B40 dalam memenuhi keperluan asas.

Akibat kos tinggi ini, ramai dalam kalangan

M40 mengalami kesukaran menyimpan wang atau melabur dalam pendidikan serta perumahan lebih baik untuk keluarga mereka. Dalam konteks ini, tumpuan kerajaan terhadap B40 adalah penting, tetapi langkah yang lebih inklusif perlu diambil untuk memastikan M40 juga menerima sokongan secukupnya.

## Perluaskan kelayakan bantuan

Oleh itu, kerajaan perlu mempertimbangkan untuk membabitkan golongan M40 dalam pelaksanaan strategi pembasmarian kemiskinan. Salah satu langkah boleh diambil ialah memperluas kelayakan bantuan dengan mengambil kira kos sara hidup di bandar. Pendapatan dianggap mencukupi di luar bandar mungkin tidak mencukupi menampung kos kehidupan golongan M40 di bandar besar.

Sebagai contoh, satu kajian Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) menunjukkan golongan M40 di bandar besar memerlukan sekurang-kurangnya 20 peratus lebih banyak pendapatan berbanding di luar bandar untuk mengekalkan kualiti hidup sama. Oleh itu, subsidi tambahan atau insentif bagi pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan boleh membantu meringankan beban kewangan golongan M40.

Pada masa sama, skim perumahan mampu milik lebih menyeluruh untuk golongan M40 di bandar besar juga perlu diperkenalkan. Langkah ini bukan sahaja akan membantu mengurangkan kos sara hidup golongan M40, tetapi memberi mereka peluang menstabilkan ekonomi keluarga

• Kerajaan perlu memastikan pendekatan lebih inklusif diambil, terutama bagi golongan M40 tinggal di bandar besar dan berhadapan dengan kos sara hidup tinggi •

tanpa perlu bergantung pinjaman atau hutang tidak perlu.

Selain itu, kerajaan boleh memperkenalkan skim perumahan sewa-beli membolehkan golongan M40 memiliki rumah secara beransur-ansur dengan kadar faedah lebih rendah. Tambahan lagi, pendidikan dan latihan kemahiran perlu diperlusa untuk golongan M40.

Walauapun penambahan pendidikan adalah fokus utama untuk B40, golongan ini juga memerlukan sokongan untuk terus maju dalam ekonomi semakin kompetitif. Akses kepada pendidikan lebih mampu milik dan latihan vokasional relevan boleh meningkatkan kebolehpasaran dan mobiliti sosial mereka.

Sebagai contoh, kerajaan boleh memperkenalkan insentif pendidikan seperti pembiayaan khas atau pengeluaran cukai seperti pendidikan tinggi anak golongan M40. Langkah ini bukan sahaja akan meningkatkan peluang pendidikan bagi keluarga M40, tetapi membantu mengurangkan beban kewangan mereka.

Sementara itu, kerjasama antara sektor awam dan swasta juga wajar difikirkan bagi membantu golongan M40. Sebagai contoh, sektor swasta boleh memainkan peranan lebih besar menyediakan peluang pekerjaan dan latihan vokasional berkaitan, selain menyokong program perumahan mampu milik.

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) boleh diselaras untuk memastikan golongan M40 mendapat manfaat sama dalam usaha kerajaan meningkatkan kesejahteraan ekonomi. Beberapa syarikat besar di Malaysia mula melaksanakan program CSR menyokong golongan B40, dan konsep ini boleh diperluas untuk golongan M40 terjejas.

Apabila penting, kerajaan perlu memastikan pendekatan lebih inklusif diambil, terutama bagi golongan M40 tinggal di bandar besar dan berhadapan dengan kos sara hidup tinggi.

Menerusi pendekatan benar-benar menyeluruh, pembasmarian kemiskinan dapat dicapai dengan lebih berkesan, memastikan tiada golongan tertinggal dalam usaha kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.



Wanita ditahan dengan 140 kampit bahan itu di Tumpat

# Tak sempat seludup gula ke Thailand

Oleh MUHAMMAD AYMAN  
GHAFFA

**TUMPAT** – Seorang wanita tidak sempat menyeludup sebanyak 140 kampit gula bernilai RM410 dengan setiap satunya seberat 1 kilogram selepas kereta yang dipandunya ditahan di pangkalan haram Paija, di sini kelmarin.

Suspek yang berusia 23 tahun itu dicekup kira-kira pukul 6 petang semasa Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) menjalankan Op Taring Wawasan Kelantan.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, anggota PGA menahan kereta jenis Perodua Myvi dipandu suspek di kawasan pangkalan haram tersebut.

Menurutnya, pemeriksaan di dalam kereta itu kemudian menjumpai gula seberat 140 kg di bahagian tempat duduk penumpang belakang.

"Siasatan awal mendapati, suspek dipercayai berperanan sebagai penghantar untuk menyeludup gula pasir tersebut ke negara jiran.

"Kesemua hasil rampasan diserahkan kepada kompeni taktikal (Komtak) Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut," katanya dalam



**KAMPIT** gula yang dijumpai di dalam sebuah kereta Perodua Myvi dipandu seorang wanita di pangkalan haram Paija, Tumpat kelmarin.  
– IHSAN PGA

satu kenyataan di sini semalam.

Nik Ros Azhan memberitahu, PGA akan terus mempergiat usaha bagi mengekang kegiatan penyeludupan daripada terus

berleluasa di kawasan sempadan negara.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

SUSULAN FASA PERALIHAN MONSUN

# Harga sayuran naik 20 peratus

Oleh Mohamed Farid  
Noh  
farid\_noh@bh.com.my

Johor Bahru

**H**arga sayuran meningkat antara 10 hingga 20 peratus sejak minggu lalu, susulan fasa peralihan monsun yang mengakibatkan hujan lebat dan banjir di beberapa kawasan seluruh negara.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata keadaan cuaca buruk menyebabkan bekalan sayuran berkurangan sehingga 15 peratus, berikutan pengeluaran hasil yang tidak seperti biasa malah ada ladang sayuran terjejas banjir.

Katanya, kenaikan harga sayuran berikutan bekalan sayuran yang terjejas dijangka berterusan sehingga musim Monsun Timur Laut (MTL), bulan hadapan.

Menurutnya, penanam



ORANG ramai membeli sayur-sayuran pada waktu pagi di Pasar Awam Taman Perlis, Johor. - Gambar NSTP/ISKANDAR ISHAK

sayuran menjangkakan beberapa kawasan di Johor, Perak dan Kedah.

"Ia menyebabkan bekalan beberapa jenis sayuran

kini mula terjejas dan berkurangan berikutan hasil pengeluaran tidak menjana-

sejah sejak minggu lalu di

beberapa kawasan di Johor, Perak dan Kedah.

"Ia diburukkan lagi apabila ada ladang sayuran

termasuk di Simpang Renggam, Kluang ditengah

gelami banjir.

di serta rosak akibat hujan terlalu lebat.

"Keadaan ini menyebabkan harga sayuran mere-

kan kenaikan antara 10 hingga 20 peratus di pasar tempatan malah akibat kekurangan bekalan kemasukan sayuran

segar ke Singapura juga terjejas sehingga 10 peratus ketika ini.

"Antara sayuran yang merekodkan kenaikan harga termasuk kacang panjang selain kebanyakan sayur daun seperti sawi dan bayam," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam pada itu, peniaga sayuran di Tampoi, Wan Baharuddin Ahmad, berkata kenaikan harga sayuran itu berlaku sejak seminggu lalu.

Katanya, antara harga sayuran yang meningkat dengan ketara termasuk kacang panjang dan sayuran berdaun.

"Harga runcit kacang panjang naik RM3 kepada RM9 sekilogram berbanding hanya RM6, minggu lalu.

"Begini juga harga sayuran berdaun terutama sawi dan bayam yang naik kepada RM7 sekilogram, kenaikan sebanyak RM3,50 sekilogram, berbanding minggu lalu," katanya.

**Kota Bharu:** Bekalan telur ayam dikesan berkurangan sejak dua bulan lalu berikutan permintaan tinggi pengguna terutama peniaga di sekitar bandar ini.

Tinjauan di premis pemborong di Jalan Batu 4, Wakaf Che Yeh, di sini semalam mendapati hanya terdapat telur gred AA yang masih berbaki.

Pemborong, Azizi Zulkifli, 31, berkata, lebih 3,500 papan telur gred A, B, dan C tiba kelmarin dan habis dijual dalam masa sehari dengan masing-masing dijual pada harga kawalan RM12.60, RM12 serta RM11.40 sepapan.

Katanya, kini hanya tinggal telur gred AA yang bukan dalam harga kawalan kerajaan dan dijual pada harga RM16 sepapan.

"Situasi ini berlaku sejak dua bulan lalu kerana per-



PEKERJA kedai borong telur, Mohd Hisham Mohd Hassan, menyusun bekalan telur ayam di Jalan Batu 4, Wakaf Che Yeh, semalam. - Gambar NSTP/ HIDAYATIDAYU RAZALI

## *3,500 papan telur habis dijual dalam masa sehari*

mintaan telur agak tinggi, memandangkan ramai pelanggan yang membeli terdiri daripada peniaga kuih-muih dan kedai rungit.

"Kami akan cuba agihkan bekalan (sama rata) kepada pelanggan untuk bolehkan semua dapat," katanya.

Ditanya mengenai cadangan menamatkan subsidi telur ayam yang sedang dipertimbangkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Azizi berkata, ia mungkin akan menambah bekalan telur ayam di pasaran.

"Namun, sekiranya ia di-

laksanakan, saya harap ia tidak membebankan peniaga dan juga pengguna, terutama jika berlaku kenaikan harga telur ayam.

"Jika naik sedikit kami boleh terima dan sekiranya harga naik banyak ia akan menambah beban pengguna," katanya.

**"Kami akan cuba agihkan bekalan (sama rata) kepada pelanggan untuk bolehkan semua dapat"**

Azizi

## Sabah minta pengecualian penamatan subsidi telur

**Penampang:** Sabah minta pengecualian daripada kerajaan Pusat berhubung cadangan penamatan subsidi telur ayam seperti diumumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, kelmarin.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr Jeffrey G Kitingan berkata, ini kerana Sabah bersama Sarawak adalah negeri yang memiliki jurang kemiskinan tinggi se kali gus memerlukan subsidi membabitkan barang keperluan asas.

"Tidak adil kalau subsidi yang baru terima ditarik semula sedangkan kita banyak sumbangan. Biarlah Sabah bersedia mempertingkatkan penghasilan dan keupayaan agar rakyat kita bukan lagi tergolong dalam kategori miskin tegar."

"Oleh sebab itu, Kementerian Pertanian, Perika-

nan dan Industri Makanan Sabah bercadang mewujudkan Pihak Berkuasa Pemasaran Pertanian Sabah untuk membantu rakyat kita.

"Kita sudah memulakan pusat-pusat pengumpulan hasil. Setakat ini sudah ada tujuh pusat pengumpulan dan kita bercadang untuk menambah lebih banyak daripada semasa ke semasa," katanya selepas merasmikan pejabat Star Bahagian Moyog di sini, kelmarin.

Kelmarin, Mohamad dilaporkan berkata, kementeriannya bakal mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Langkah berkenaan wajar dipertimbangkan, kata dia, berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan sebanyak RM100 juta sebulan.

**“*Tidak adil kalau subsidi yang baru diterima ditarik semula sedangkan kita banyak sumbangan***

**Jeffrey**

# Segera apungkan harga telur

Ameer Ali ulangi saranan kepada kerajaan sekiranya bekalan telur ayam kembali pulih dan stabil

■ Oleh QURRATUL AINA QUDDUS  
SHAH ALAM

Kerajaan digesa untuk mempercepatkan pengapungan harga telur bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih serta stabil.

Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, subsidi untuk telur sepatutnya dihentikan dan harga tidak perlu dikawal seperti yang dilakukan oleh kerajaan untuk ayam sebelum ini.

Jelasnya, tiada perbezaan ketara apabila rakyat membeli telur dengan harga tanpa subsidi kerana telah biasa dengan pembelian telur Omega.

"Disebabkan masalah bekalan telur, rakyat terpaksa beli telur ayam Omega atau kampung yang



AMEER ALI

lebih mahal.

"Walaupun sebelum ini ada kawalan harga dan disubsidi oleh kerajaan tetapi bekalan telur sampai sekarang sudah lebih setahun tidak mencukupi di pasaran.

"Kita tidak boleh fikir kalau kerajaan apungkan harga dan berfikir macam mana dengan rakyat B40 yang susah. Memang susah tapi

sebenarnya dia lama susah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Rabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM), Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, penjimatan sebanyak RM100 juta daripada penamatkan subsidi telur bakal dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agro makanan lain yang lebih mendesak.

Katanya, cadangan penamatkan subsidi telur ayam telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Sebelum ini, Ameer Ali yang juga Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad pada tahun lalu pernah mencadangkan kerajaan untuk bertindak segera mengapungkan harga telur bagi mengelakkan harga dan bekalan runcit bahan itu terus dimanipulasi golongan kartel.

Ujarnya, kerajaan boleh melakukan kawalan harga semasa musim perayaan apabila telur menjadi bekalan permintaan masyarakat.

"Kalau kita lepas saja, ia akan menjadi penawaran dalam permintaan dan kalau ada darurat, barulah kerajaan masuk," ujarnya.



Laporan *Sinar Harian* pada Khamis.

# Impak positif subsidi secara bersasar



ANALISIS  
MUKA 16

TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

Rasionalisasi subsidi secara berfasa merupakan satu langkah strategik yang penting bagi mengurangkan beban kewangan negara tanpa menjelaskan kebijakan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan B40.

Ketika pembentangan Belanjawan 2024 13 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan mengambil pendekatan melaksanakan penyasaran semula subsidi secara berfasa bermula Januari tahun ini melibatkan beberapa kementerian.

Ia sekali gus memperlihatkan komitmen kerajaan untuk memastikan subsidi yang disalurkan benar-benar sampai kepada golongan memerlukan dan mengurangkan ketirisan berlaku sebelum ini.

Dua langkah rasionalisasi telah dilakukan lebih awal menyaksikan subsidi bantuan haji dan tarif elektrik ditamatkan daripada dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi atau T20 sejak tahun lalu.

Ia disusuli dengan subsidi dan kawalan harga bagi ayam ditamatkan pada 1 November 2023.

Pada Jun 2024 pula, pelarasan subsidi diesel turut dilaksanakan kepada 1.4 juta kenderaan di Semenanjung.

Sementara minggu lalu, Anwar memberi bayangan kerajaan mungkin menghentikan subsidi pembiayaan pendidikan anak orang kaya di sekolah awam terbaik negara.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk

Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, langkah tersebut menunjukkan kerajaan cakna dan mahu golongan berpendapatan tinggi punya tanggungjawab moral terhadap ruang pendidikan kepada golongan rentan yang lebih memerlukan.

Terbaru, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan pihaknya telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup agar subsidi telur ayam gred A, B dan C ditamatkan sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Pada tahun lalu saja, kerajaan memperuntukkan RM927 juta untuk subsidi telur ayam.

Ujar Anwar di Dewan Rakyat, sekalipun barang bersubsidi membantu rakyat dalam meminimumkan kos sara hidup tetapi hakikatnya ia lebih memanfaatkan golongan kaya dan harga yang murah telah meningkatkan ketirisan serta penyaludutan ke luar negara, malah turut dihirup oleh lebih 3.5 juta orang asing.

Biarpun mengambil keputusan tidak popular, tindakan kerajaan melaksanakan pelarasan tarif elektrik dan apungan harga barang keperluan tertentu bukanlah untuk mendatangkan kesakitan atau penderitaan kepada rakyat sebaliknya majoriti rakyat akan terus menikmati subsidi yang mereka patut miliki.

Tegasnya, golongan kaya dan industri besar mesti membayar apa yang sepatutnya.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan (DOSM) yang dikeluarkan pada tahun 2020, B40 mewakili golongan berpendapatan rendah dengan purata pendapatan bulanan di bawah RM4,850, manakala M40, yang juga kumpulan isi rumah pertengahan, dengan purata bulanan RM4,851 hingga



Tegasnya, golongan kaya dan industri besar mesti membayar apa yang sepatutnya.”

RM10,970.

Bagi pengelasan T20 pula, ia adalah kumpulan isi rumah tertinggi penduduk di negara ini, dengan pendapatan bulanan RM10,971 dan ke atas. Dilaporkan sebanyak RM58.1 bilion telah diperuntukkan kerajaan untuk keseluruhan subsidi tahun ini sahaja dalam usaha membantu rakyat khususnya golongan rentan.

Agihan peruntukan itu mengikut sektor termasuk kepenggunaan, sara hidup, pendidikan, biasiswa pinjaman, pertanian, faedah dan lain-lain.

Rasionalisasi subsidi secara berfasa dipercayai akan diteruskan pada tahun hadapan apabila pembentangan Belanjawan 2025 minggu depan dijangka memberi tumpuan kepada tiga perkara utama iaitu mengurangkan kos sara hidup, meningkatkan taraf hidup rakyat, dan memajukan pembangunan negara.

Anwar menegaskan bahawa rasionalisasi subsidi akan menjadi ketutamaan, termasuk pelanjutan subsidi diesel bersasar ke Sabah dan Sarawak serta pemansuhan subsidi petrol RON95 yang disasarkan kepada semua.

Diharap segala pelaksanaan penyasaran subsidi memakmurkan negara dengan mengembalikan semua agihan kepada rakyat secara keseluruhannya.

\*Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan ialah wartawan Sinar Harian

## Padah seludup 140kg gula pasir

**TUMPAT** - Seorang wanita ditahan selepas cuba menyeludup gula pasir ke negara jiran melalui pangkalan haram di Paija di sini pada Rabu.

Wanita berusia 23 tahun ditahan se-pasukan anggota Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) ketika melakukan rondaan rutin menerusi Op Taring Wawasan kira-kira jam 6 petang.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, pemeriksaan terhadap kereta jenis Perodua Myvi dipandu wanita terbabit menemukan 140 kilogram (kg) barang kawalan.

"Suspek dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup gula pasir subsidi ke negara jiran."

"Anggaran nilai barang rampasan termasuk kenderaan dianggarkan berjumlah RM15,410," katanya pada Khamis.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ujarnya, hasil rampasan diserahkan ke Kompeni Taktikal (Komtak) Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut.

"PGA akan terus mempergiatkan usaha mengekang kegiatan penyeludupan dari terus berleluasa di sempadan negara," katanya.

# Calls for targeted price controls as govt reviews egg subsidy

■ BY QIRANA NABILLA  
MOHD RASHIDI  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**PETALING JAYA:** The Federation of Malaysian Consumers Associations has urged the government to implement a more flexible or targeted price control system to ensure the needy continue to receive assistance.

Its CEO Saravanan Thambirajah said the removal of subsidies must be done such that it does not adversely affect consumers in the lower income groups.

"We understand that the provision of subsidies is a temporary measure which ensures that the prices of essential goods remain affordable, especially during supply shortages. However, removing it should be conditional upon having an ample supply of chicken eggs with stable market prices," he said.

Consumers and traders urge authorities to ensure stable supply and prices to protect low-income groups from rising costs

On Wednesday, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu announced that the government will review the subsidies for chicken eggs in grades A, B and C if supply becomes stable and recovers from the current shortage.

He said the decision to end the egg subsidy is being considered based on the success of ending the chicken subsidy which saved RM100 million a month and allowed the sum to be used to develop more critical areas of the agro-food sector.

Last year, the government allocated RM927 million for chicken egg subsidies, while in June Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim

announced a three sen reduction in the retail price of grades A, B and C chicken eggs nationwide.

Saravanan said if the government feels that it is time to end the subsidies, it must ensure that the supply and prices do not result in drastic changes that could affect the cost of living.

"Additionally, the government should look into strengthening the supply chain and improving local productivity to ensure a stable supply of eggs in the long term without the subsidies," he said.

Civil servant Irwan Effendie Mohammad Shukri, 36, said while his household does not consume a

large number of eggs, now might not be the best time to end subsidies given the current economic challenges.

Instead, he suggested the government prioritise increasing the people's income first.

"If incomes rise, the public would be better equipped to manage the withdrawal of subsidies on essential goods such as eggs and other raw materials."

"The government should carefully evaluate the situation before finalising any decision. Precautionary measures should be taken to ensure that the public isn't burdened too heavily by rising costs."

Irwan Effendie said the move to remove subsidies will significantly impact traders who often have to adjust their prices in response to increased costs.

This in turn will lead to higher prices for consumers, and affect the overall demand for goods.

"When traders raise prices due to increased costs, they tend to adjust the prices of everything, not just eggs but items made with it. This means the community at large will feel the impact as food prices in general will likely rise."

Canteen operator Siti Hapsah Karim, 45, said the possible removal of egg subsidies could be a challenge for her since they are essential goods.

Price increases on such basic ingredients would make it harder for her to keep food items affordable.

"Removing subsidies naturally puts pressure on my business, as customers are already cautious with their spending due to the rising cost of living, so even a small price increase can affect demand."

Siti Hapsah said the situation presents a dilemma as she must balance rising costs with maintaining affordable prices for her customers in a challenging economic environment.

She urged the government to think about ways to help consumers and traders ease some of their challenges, and that businesses like hers need help to succeed by providing affordable choices for customers.



Mohamad said the decision to end the egg subsidy is being considered based on the success of ending the chicken subsidy. — SYED AZAHAR SYED OSMAN/THESUN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 11 OKTOBER 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Oct	KPDN Kedah sita 4,000 liter diesel cuba diseludup ke Thailand	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/sejarah-berita-jenayah/sejarah-artikel/kpdn-kedah-sita-4-000-liter-diesel-cuba-diseludup-ke-thailand">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/sejarah-berita-jenayah/sejarah-artikel/kpdn-kedah-sita-4-000-liter-diesel-cuba-diseludup-ke-thailand</a>	BERITA RTM
11-Oct	KPDN sita 4,000 liter diesel disimpan di bangsal dalam kebun pisang	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/10/09/kpdn-sita-4000-liter-diesel-disimpan-di-bangsal-dalam-kebun-pisang/">https://www.tvsarawak.my/2024/10/09/kpdn-sita-4000-liter-diesel-disimpan-di-bangsal-dalam-kebun-pisang/</a>	TV SARAWAK
11-Oct	KPDN sita 4,000 liter diesel disimpan di bangsal dalam kebun pisang	<a href="https://selangorkini.my/2024/10/kpdn-sita-4000-liter-diesel-disimpan-di-bangsal-dalam-kebun-pisang/">https://selangorkini.my/2024/10/kpdn-sita-4000-liter-diesel-disimpan-di-bangsal-dalam-kebun-pisang/</a>	SELANGOR KINI
11-Oct	Teliti sebaik mungkin keputusan tamatkan subsidi telur ayam	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690116/suara-sinar/analisis-sinar/teliti-sebaik-mungkin-keputusan-tamatkan-subsidi-telur-ayam">https://www.sinarharian.com.my/article/690116/suara-sinar/analisis-sinar/teliti-sebaik-mungkin-keputusan-tamatkan-subsidi-telur-ayam</a>	SINAR HARIAN
11-Oct	Subsidi bersasar bantu kemampanan fiskal jangka panjang	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/op-tiru-kpdn-negeri-sembilan-rampas-193-unit-bateri-telefon-tiruan/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/op-tiru-kpdn-negeri-sembilan-rampas-193-unit-bateri-telefon-tiruan/</a>	UTUSAN MALAYSIA
11-Oct	Harta GISBH dikesan di 10 negara dianggar bernilai RM52.4 juta	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/10/harta-gisbh-dikesan-di-10-negara-dianggar-bernilai-rm52-4-juta/">https://malaysiagazette.com/2024/10/10/harta-gisbh-dikesan-di-10-negara-dianggar-bernilai-rm52-4-juta/</a>	MALAYSIA GAZETTE
11-Oct	Faktor ekonomi, desakan hidup jadikan penyeludup sebagai 'kerjaya'	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690246/edisi/kelantan/faktor-ekonomi-desakan-hidup-jadikan-penyeludup-sebagai-kerja">https://www.sinarharian.com.my/article/690246/edisi/kelantan/faktor-ekonomi-desakan-hidup-jadikan-penyeludup-sebagai-kerja</a>	SINAR HARIAN
11-Oct	Subsidi bersasar bantu kemampanan fiskal jangka panjang	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/pandangan/2024/10/11/subsidi-bersasar-bantu-kemampanan-fiskal-jangka-panjang/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/pandangan/2024/10/11/subsidi-bersasar-bantu-kemampanan-fiskal-jangka-panjang/</a>	FREE MALAYSIA TODAY
11-Oct	Gubal undang-undang khas elak seleweng dana infak, sedekah – MCW	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/gubal-undang-undang-khas-elak-seleweng-dana-infak-sedekah-mcw/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/gubal-undang-undang-khas-elak-seleweng-dana-infak-sedekah-mcw/</a>	UTUSAN MALAYSIA
11-Oct	Guna sijil halal tidak sah, syarikat produk kecantikan dikompaun RM60,000	<a href="https://kedahgazette.com/index.php/2024/10/10/guna-sijil-halal-tidak-sah-syarikat-produk-kecantikan-dikompaun-rm60000/">https://kedahgazette.com/index.php/2024/10/10/guna-sijil-halal-tidak-sah-syarikat-produk-kecantikan-dikompaun-rm60000/</a>	KEDAH GAZETTE